

**SURAT IKATAN PEMBUBARAN INI** dibuat pada .....

## **ANTARA**

Penama yang dinyatakan di **Bahagian I** pada Jadual  
(Kemudian daripada ini dikenali sebagai “Pengasas” sebagai satu pihak)

## **DAN**

Penama-penama yang dinyatakan di **Bahagian II** pada Jadual  
(Kemudian daripada ini dikenali sebagai “Pemegang-Pemegang Amanah Semasa”  
sebagai satu pihak)

(Pengasas dan Pemegang-Pemegang Amanah Semasa boleh dirujuk secara  
berasingan sebagai “Pihak” atau secara bersama sebagai “Pihak-Pihak”)

## **BAHAWASANYA –**

A. Pengasas dan penama-penama yang dinyatakan di **Bahagian III** pada Jadual  
(kemudian daripada ini dikenali sebagai “Pemegang-Pemegang Amanah Asal”)  
telah menandatangani Surat Ikatan Amanah bertarikh \_\_\_\_\_  
(yang kemudiannya dirujuk sebagai “Surat Ikatan Amanah Asal”) bagi  
mewujudkan suatu amanah yang dikenali sebagai **PEMEGANG AMANAH**  
\_\_\_\_\_ **BERDAFTAR**  
(Nombor Pendaftaran: **PPAB-**\_\_\_\_\_) yang telah diperbadankan  
pada \_\_\_\_\_ di bawah Akta Pemegang Amanah  
(Pemerbadanan) 1952 [*Akta 258*].

B. Di setiap masa material, **PEMEGANG AMANAH** \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_ **BERDAFTAR** telah  
meminda Surat Ikatan Amanah Asal melalui Surat Ikatan Amanah Tambahan  
seperti berikut:

(i) ..... bertarikh .....

(ii) ..... bertarikh .....; dan

(iii) ..... bertarikh .....

(Surat Ikatan Amanah Tambahan boleh dirujuk secara kolektif sebagai “Surat Ikatan Amanah Tambahan Tersebut”)

- C. Berdasarkan klausa ..... Surat Ikatan Amanah Asal / Surat Ikatan Amanah Tambahan bertarikh ..... (sekiranya klausa asal berkenaan pembubaran telah dipinda), memperuntukkan seperti berikut:

***“[sila nyatakan peruntukan klausa tersebut]”***

**MAKA SURAT IKATAN PEMBUBARAN** ini menyaksikan sebagaimana berikut:

## **1. PEMBUBARAN**

- 1.1 Surat Ikatan Pembubaran ini adalah sebagai tambahan kepada Surat Ikatan Amanah Asal dan perlu dibaca serta ditafsirkan sebagai sebahagian daripada Surat Ikatan Amanah Asal/Surat Ikatan Amanah Tambahan/Surat Ikatan Amanah Tambahan Tersebut.
- 1.2 Melainkan dinyatakan di dalam Surat Ikatan Pembubaran ini, peruntukan di dalam Surat Ikatan Amanah Asal/Surat Ikatan Amanah Tambahan/Surat Ikatan Amanah Tambahan Tersebut hendaklah terpakai bagi Surat Ikatan Pembubaran ini.
- 1.3 Sekiranya berlaku apa-apa percanggahan atau ketidakselarasan antara peruntukan Surat Ikatan Amanah Asal/Surat Ikatan Amanah Tambahan/Surat Ikatan Amanah Tambahan Tersebut dan Surat Ikatan Pembubaran ini, peruntukan Surat Ikatan Pembubaran ini hendaklah mengatasi setakat mana ketidakselarasan tersebut.

- 1.4 Pembubaran secara sukarela ini adalah berdasarkan seksyen 18 Akta 258 dan kesan kepada pembubaran tersebut selaras dengan peruntukan di bawah seksyen 19 Akta 258.

## 2. TAKRIF

Takrifan dan definisi yang diguna pakai di dalam Surat Ikatan Amanah Asal/Surat Ikatan Amanah Tambahan/Surat Ikatan Amanah Tambahan Tersebut akan terpakai juga di dalam Surat Ikatan Pembubaran ini, melainkan jika sebaliknya dengan jelas ditakrifkan di dalam Surat Ikatan Pembubaran ini atau yang konteksnya menghendaki makna yang lain.

## 3. TARIKH KUAT KUASA

3.1 Surat Ikatan Pembubaran ini akan berkuat kuasa mulai .....

3.2 Surat Ikatan Pembubaran ini dan Surat Ikatan Amanah Asal/Surat Ikatan Amanah Tambahan/Surat Ikatan Amanah Tambahan Tersebut hendaklah pada tarikh kuat kuasanya disifatkan telah disatukan untuk membentuk dan dibaca sebagai satu surat ikatan amanah tertakluk kepada perubahan yang terkandung di dalam Surat Ikatan Pembubaran ini.

## 4. PEMBATALAN

4.1 Pemegang-pemegang Amanah Semasa dengan persetujuan Pengasas, dengan ini membatalkan Surat Ikatan Amanah Asal dan/atau Surat Ikatan Amanah Tambahan/Surat Ikatan Amanah Tambahan Tersebut berkuat kuasa mulai tarikh Surat Ikatan Pembubaran ini atas sebab dan alasan seperti berikut:

(i) .....

(ii) .....; dan

(iii) .....

4.2 Pemegang-pemegang Amanah Semasa telah membaca dan faham sepenuhnya semua surat cara berkaitan dengan pembubaran secara sukarela pemerbadanan, terma-terma dan syarat-syarat pembatalan Sijil Pemerbadanan **PEMEGANG AMANAH** \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_ **BERDAFTAR**  
bagi maksud pemakluman kepada Menteri selaras dengan peruntukan seksyen 18 Akta 258; dan

4.3 Pemegang-pemegang Amanah Semasa telah membaca dan faham sepenuhnya kesan kepada pembubaran secara sukarela bagi **PEMEGANG AMANAH** \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_ **BERDAFTAR**  
selaras dengan peruntukan seksyen 19 Akta 258.

## 5. PELEPASAN JAWATAN LEMBAGA PEMEGANG AMANAH

Pemegang-pemegang Amanah Semasa dengan persetujuan Pengasas mengisytiharkan bahawa selepas pembubaran secara sukarela di bawah seksyen 18 Akta 258 ini, Pemegang-pemegang Amanah Semasa tidak lagi memegang jawatan sebagai Lembaga Pemegang Amanah bagi **PEMEGANG AMANAH** \_\_\_\_\_

**BERDAFTAR.** Walau bagaimanapun, tanggungan dan liabiliti pemegang amanah masih lagi terpakai menurut seksyen 19 Akta 258.

## 6. TANGGUNGJAWAB LEMBAGA PEMEGANG AMANAH SEBELUM PEMBUBARAN

Pemegang-pemegang Amanah Semasa dengan ini mengisytiharkan seperti berikut:-

(i) Jumlah akhir dana tabung amanah bagi **PEMEGANG AMANAH** \_\_\_\_\_ **BERDAFTAR**

adalah sebanyak **RM** ..... (**Ringgit Malaysia** .....);

(ii) Segala dana, harta amanah dan wang yang dimiliki oleh **PEMEGANG AMANAH** \_\_\_\_\_ **BERDAFTAR** setelah ditolak dan diselesaikan segala perbelanjaan dan liabiliti yang terbabit telah dilaksanakan sepertimana yang dinyatakan dalam Bukti Pengurusan Aset dan Liabiliti yang dilampirkan di **LAMPIRAN I**;

(iii) Akaun/Akaun-akaun bank yang dibuka atas nama dan/atau untuk kegunaan **PEMEGANG AMANAH** \_\_\_\_\_ **BERDAFTAR** sepanjang pemerbadanan adalah seperti berikut:-

<b>Nama Bank</b>	<b>Alamat dan Cawangan Bank</b>	<b>Nombor Akaun</b>

(iv) Akaun/Akaun-akaun bank tersebut yang dinyatakan pada perenggan 6(ii) telah **DITUTUP** sepertimana yang dinyatakan dalam Bukti Penutupan Akaun oleh pihak bank;

(v) **PEMEGANG AMANAH** \_\_\_\_\_ **BERDAFTAR** terlibat / tidak terlibat dalam sebarang prosiding undang-undang yang sedang berlangsung / berlanjutan / akan dimulakan oleh/atau ke atas Badan Korporat dan pemegang amanah yang diletakhakkan ke atas aset dan liabiliti pemerbadanan berikutan pembubaran tersebut sama ada dari dalam atau luar Malaysia seperti berikut:-

<b>No. Prosiding Mahkamah</b>	<b>Mahkamah</b>	<b>Pihak yang Terlibat</b>

No. Prosiding Mahkamah	Mahkamah	Pihak yang Terlibat

- (vi) Semua pernyataan dan butir-butir termasuk keterangan yang terkandung di dalam Resolusi Berpekeliling/Minit Mesyuarat, Bukti Pengurusan Aset dan Liabiliti, Bukti Penutupan Akaun Bank, dan Surat Akaun Pembubaran serta lain-lain dokumen yang berkaitan adalah benar dan tepat.

## 7. LAIN-LAIN HAL

### 7.1 KOS GUAMAN DAN DUTI SETEM

Segala kos guaman dan duti setem (termasuk sebarang penalti dan lain-lain kos) hendaklah ditanggung dan dibayar oleh Pemegang-pemegang Amanah Semasa.

### 7.2 UNDANG-UNDANG YANG MENGAWAL

Surat Ikatan Pembubaran ini dibentuk di bawah undang-undang Malaysia dan hak setiap orang menurut dokumen ini serta kesannya. Semua peruntukan dokumen ini hendaklah tertakluk kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia.

[Sebahagian daripada ruangan ini sengaja dibiarkan kosong]

Bagi menyaksikan Surat Ikatan Pembubaran ini, maka kami menurunkan tandatangan masing-masing pada tarikh yang termaktub di atas:

Ditandatangani oleh **PENGASAS** )  
 )  
 )

.....  
Nama :  
No. K/P:  
Jawatan:

.....  
Disaksikan oleh:  
Nama:  
No. K/P:  
Jawatan:

Ditandatangani oleh **PEMEGANG-PEMEGANG AMANAH** di hadapan: )  
 )

.....  
Disaksikan oleh:  
Nama:  
No. K/P:  
Jawatan:

.....  
Nama:  
No. K/P:

.....  
Nama:  
No. K/P:

.....  
Nama:  
No.K/P:

**JADUAL****Bahagian I (Pengasas)**

<b>Bil.</b>	<b>Nama</b>	<b>No. Kad Pengenalan/No. Pendaftaran Syarikat/ No. Pendaftaran Pertubuhan</b>	<b>Alamat</b>
1.			
2.			

**Bahagian II (Pemegang-pemegang Amanah Semasa)**

<b>Bil.</b>	<b>Nama</b>	<b>No. Kad Pengenalan</b>	<b>Alamat</b>	<b>Tempoh Perkhidmatan (Tahun)</b>
1.				
2.				
3.				

**Bahagian III (Pemegang-pemegang Amanah Asal)**

<b>Bil.</b>	<b>Nama</b>	<b>No. Kad Pengenalan</b>	<b>Alamat</b>	<b>Tempoh Perkhidmatan (Tahun)</b>
1.				
2.				
3.				

## LAMPIRAN I

BUKTI PENGURUSAN ASET DAN LIABILITI PEMEGANG AMANAH \_\_\_\_\_

BERDAFTAR

## (i) MAKLUMAT PENGURUSAN ASET

BIL.	JENIS ASET (Aset Alih / Tak Alih)	MAKLUMAT ASET	STATUS	CATATAN (No.Resit/Invois/dll.)

## (ii) MAKLUMAT PENGURUSAN LIABILITI

BIL.	JENIS LIABILITI	MAKLUMAT LIABILITI	STATUS	CATATAN (No.Resit/Invois/dll.)